



IIUM in the News



You are Here

Home □ 2023 □ November □ 8 □

Persiap ilmu kekeluargaan bimbing anak selaras acuan Islam



Memberi didikan dan contoh yang baik akan melahirkan anak yang memiliki akhlak terpuji selaras acuan Islam dalam membesarkan anak.
(Foto hiasan)

InNews (Print)

Persiap ilmu kekeluargaan bimbing anak selaras acuan Islam

Persiap ilmu kekeluargaan bimbing anak selaras acuan Islam

BERITA HARIAN -8/11



Oleh Mohammad Baihaqi
Md Yusnan
bhagama@bh.com.my

Pensyarah Kulliyah
Pendidikan, Universiti
Islam Antarabangsa

Baru-baru ini, negara dikehujung dengan beberapa siri kisah bagaimana ada bapa dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana didapati bersalah mengugut anaknya untuk mendirikan solat.

Kisah itu adalah antara banyak lagi episod menggambarkan sulitnya waktu ini bagi ibu bapa mendidik anak termasuk mengerjakan perintah Allah sehingga ada yang terpaksa melakukan tindakan dilihat tidak wajar sehingga dijatuhi hukuman.

Mengikut aspek ini, dalam usaha

merancang pendidikan untuk anak, ibu bapa perlu membuat perancangan rapi dan tersusun serta melengkapkan diri dengan keperluan tertentu untuk mencapai matlamatnya.

Pendidikan keibubapaan atau ilmu mendidik dan membesar anak memerlukan kelengkapan perlu diusahakan sebelum dan ketika usaha mendidik dijalankan.

Jika amati dalam al-Quran, beberapa figura diketengahnya Allah SWT untuk menunjukkan bagaimana proses sebenar "tarbiyyah awiad" atau mendidik anak mengikut acuan dan neraca agama.

Antaranya kisah Nabi Ya'qub, Maryam ibu Nabi Musa dan ketua Rasul dan Nabi iaitu Nabi Ibrahim. Berikut tiga asas disebutkan dalam al-Quran dan hadis sebagai renungan.

Doa

Doa adalah senjata orang mukmin. Dalam apa sahaja usaha dilakukan, kita dituntut bertawakal kepada Allah supaya segala usaha dilakukan sentiasa dalam keberkatan dan keredaan Allah.

Dalam proses membesarkan anak, doa adalah satu entiti penting perlu menjadi amalan lazim setiap ibu bapa supaya usaha membesarkan zuriat di suluhan dengan cahaya dan reda Allah.

Nabi Muhammad SAW menggesa kita sentiasa memohon berdoa kepada Allah, hatta sebelum menjadi ibu dan bapa lagi. Dalam hadis sahib Muslim disebutkan Ibn 'Abbas meriwayatkan daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: "Jika seorang suami hendak melakukan hubungan kelamin dengan pasangannya, hendaklah dia berdoa: Dengan nama Allah, Ya Allah, lindungilah kami daripada gangguan syaitan dan jauhilah zuriat kami daripada gangguan. Apabila Allah mengangugerahkan kepada zuriat, nescaya syaitan tidak akan dapat memberi sebarang mudarat kepada mereka kerana asbab doa mereka".

Satu lagi amalan daripada al-Quran boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa apabila merancang untuk mendapatkan zuriat atau bakalet mendapat zuriat adalah dengan membaca Nabi Zakariya dalam Surah Ali Imran, ayat 38 bermaksud: "Wahai Tuhanku. Kurniakan kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan".

Sabar

Membesarkan anak adalah fasa ujian kepada ibu bapa. Ia bukan suatu usaha mudah malahan ia sangat sukar bagi yang pernah atau akan melaluinya.

Kesabaran perlu dipupuk dalam diri ibu bapa dalam usaha membesarkan anak supaya segala permasalahan yang timbul dalam rumah tangga dapat diselesaikan dengan penuh kebijaksanaan dan harmoni.

Contoh terbaik boleh diberikan adalah melalui suri teladan ditunjukkan Nabi Yaqub ketika dibawakan kepada Baginda cebisan baju Nabi Yusuf berlumuran darah berserta cerita direka-reka.

Cerita itu pula bukan cerita picisan bahkan yang dibawa adalah berita sangat menyedihkan iaitu ketaman anak kesayangan Baginda, Nabi Yusuf.

Apakah reaksi ditunjukkan Nabi Yaqub? Tidak lain tidak bukan, yang ditunjukkan adalah kesabarangan sangat tinggi. Baginda bersabar dan meletakkan sepenuh kepercayaan dan pengharapan kepada Allah untuk menjaga nyawa anak kesayangan-Nya demi menjaga keharmonian keluarga.

Pada akhirnya, Baginda mendapat hasil tujuan kesabarannya iaitu Allah memenuhi dan merapatkan jurang kekeluargaan di antara mereka. Allah juga mengajarkan kita sentiasa memohon doa kepada-Nya supaya dikuarniakan kesabarangan tinggi.

Doa ini disebutkan dalam Surah al-Araf, ayat 126 bermaksud: "Wahai Tuhan kami, limpahkan kesabar kepada kami dan matikan kami dalam keadaan Islam (berserah kepada-Mu)".

Dalam apa sahaja usaha dilakukan, kita dituntut bertawakal kepada Allah supaya segala usaha dilakukan sentiasa dalam keberkatan dan keredaan Allah

Syura

Perbincangan dalam perkara penting adalah sangat digalakkan dalam Islam. Ia ditunjukkan Nabi SAW dalam pelbagai peristiwa sepanjang kehidupan Baginda.

Antaranya kisah bagaimana Nabi SAW membuka ruang perbincangan mendepani peperangan Khandaq antara umat Islam di Madinah dengan Musyrikin Quraisy Makkah.

Baginda SAW menerima cadangan bernesas pada seorang sahabat, Salman Al-Farisi mencadangkan kepada pasukan tentera Muslimin menggali parit mengelilingi kota Madinah sebagai satu bentuk pertahanan bagi menyukarkan pasukan lawan menyerang Madinah.

Ia strategi dan inovasi ketenteraan amat baharu ketika itu dan tidak pernah digunakan bangsa Arab sebelumnya. Dalam hal sebesar Itupun ruangan perbincangan dibuka, apakah lagi dalam urusan membesarkan anak-anak.

Maka seharusnya ia dijadikan amalan dan dilaksanakan di dalam institusi keluarga. Suami isteri perlu berbincang sesama pasangan bagaimana hendak memilih keputusan terbaik untuk anak.

Ibu bapa juga perlu berbincang dengan anak mengenai apa sahaja keputusan besar hendak dibuat dan berbincang sesama ahli keluarga jika ada perkara memerlukan pandangan orang luar kerana perbincangan akan membantu perencanaan idea, sekali gus membolehkan keputusan terbaik dibuat.

Kesimpulannya, setiap suami isteri bakal atau sudah menjadi ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar dalam membangunkan nilai, moral, peribadi dan karektor anak.

Tidak ada ibu bapa mahu melihat anak mereka hanyut ditelan zaman dan ideologi tidak baik. Oleh itu, sentiasa amalkan tip ini sebagai usaha mempersiapkan diri sebagai ibu bapa supaya pembangunan anak akan seimbang dan selari dengan acuan Islam.



Memberi didikan dan contoh yang baik akan melahirkan anak yang memiliki akhlak terpuji selaras acuan Islam dalam membesarkan anak.
(Foto hiasan)

SHARE

Facebook

Twitter

Pinterest

Linkedin

- Elak semberono boikot produk Israel

Medical Groups Demand Relisting Of Liquid Nicotine, After Cabinet Moots GEG Decoupling

RELATED POSTS



Capture the Fracture Program: "Katakan Tidak kepada Tulang Rapuh,"



WB Yeats's 'Easter, 1916' and Bangladesh's July 1-36, 2024



Firasat tentang tarikh mati kerajaan haram Zionis

ARCHIVES

- November 2024
- October 2024
- September 2024
- August 2024
- July 2024
- June 2024
- May 2024
- April 2024
- March 2024
- February 2024
- January 2024
- December 2023
- November 2023
- October 2023
- September 2023
- August 2023

- July 2023
- June 2023
- May 2023
- April 2023
- March 2023
- February 2023
- January 2023
- December 2022
- November 2022
- October 2022
- September 2022
- August 2022
- July 2022
- June 2022
- May 2022
- April 2022
- March 2022
- February 2022
- January 2022
- December 2021
- November 2021
- October 2021
- September 2021
- August 2021
- July 2021
- June 2021
- May 2021
- April 2021
- March 2021

CATEGORIES

- BacalahMalaysia
- CMO
- Highlight
- IIUMTV
- InNews (Print)
- InNews (Video)
- Media Release
- MukaSepuluh (BH)
- My View (The Sun)
- official
- Opinion (NST)
- Our Views
- Rector
- UIAM Berhujah (Utusan Malaysia)
- Uncategorized

META

- Log in
- Entries feed
- Comments feed
- WordPress.org

All Rights Reserved 2023.

Proudly powered by WordPress | Theme: Recent News by Candid Themes.